

**Golongan muda mahu perubahan
Utusan Online
05 Mac, 2012**

KOTA BHARU 4 Mac - Orang muda di Kelantan mula berasa muak dan mahukan perubahan selepas melihat kegagalan Pas memerintah negeri ini selama 21 tahun.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal berkata, Pas hanya pandai bercakap dan tidak berusaha melakukan perubahan terutama menyelesaikan masalah kemudahan asas di negeri ini.

Beliau berkata, golongan muda telah sedar Pas sanggup berbuat apa sahaja termasuk menggadaikan dasarnya untuk menegakkan agama Islam semata-mata mahu mendapatkan kuasa.

"Selepas 20 tahun memerintah, Pas hanya hebat berceramah di atas pentas, masalah bekalan air pun tidak dapat diselesaikan.

"Orang muda sekarang terdedah dengan pelbagai maklumat, mereka rimas dan mahukan perubahan agar tidak lagi hidup dalam keadaan tidak selesa jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Karnival Keluarga Muda anjuran Pemuda Barisan Nasional (BN) Kelantan di Sekolah Menengah Kebangsaan Long Ghaffar (2) Pasir Tumbuh di sini semalam.

Turut hadir, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin dan Ketua Pemuda UMNO Kelantan, Anuar Safian serta naib ketuanya, Rosmadi Ismail.

Biarpun hujan lebat sejak pagi, karnival tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan apabila lebih 15,000 orang hadir.

Pelbagai aktiviti diadakan termasuk temuduga terbuka untuk pekerjaan, sukan rakyat, kejohanan futsal dan paint ball, persembahan kebudayaan dan pameran motosikal klasik.

Mohd. Shafie berkata, Gelombang Merah yang diperkenalkan di negeri ini pada tahun lalu telah semakin mendapat sambutan daripada golongan muda.

"Mereka tahu apa yang berlaku, mereka memerhatikan setiap yang berlaku seperti pergelutan dalam Pas Kedah dan isu pemecatan Datuk Dr. Hasan Ali.

"Pilihan raya kali ini adalah detik perubahan untuk negeri ini, saya percaya golongan muda menyebelahi kita kerana mereka mahukan kemudahan asas yang sempurna seperti yang dinikmati oleh negeri-negeri lain," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0305&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_02.htm